

26/02/2001

Negara Asia kini mampu bersuara

Norbakti Alias

BOAO (Hainan), Ahad - Selepas begitu lama `membisu', negara Asia kini mempunyai suara yang bersatu dalam melahir pandangan dan ketidakpuasan hati mereka dalam pelbagai isu.

Bermula esok, Asia akan memiliki suara baru melalui `anak' yang dilahirkan menerusi Forum Boao Untuk Asia (BFA) yang bakal menjadi pentas buat mereka berbincang dan menyuarakan pendapat mengenai soal pembangunan ekonomi serantau serta isu alam sekitar.

Bekas pemimpin Asia dan tokoh korporat rantau ini akan berkumpul dalam BFA dalam usaha menyatukan negara Asia menerusi perdagangan serantau serta pelaburan di luar sempadan.

Idea forum sedemikian dicetuskan oleh bekas Perdana Menteri Jepun, Morihiro Hosokawa; bekas presiden Filipina, Fidel Ramos dan bekas Perdana Menteri Australia, Bob Hawke.

Ramos dan Hawke adalah pengerusi bersama Jawatankuasa Persediaan Mesyuarat yang bertanggungjawab memastikan kelancaran forum ini.

Kira-kira 200 peserta daripada 25 negara Asia termasuk Asean dan Asia Tengah akan menghadiri forum dua hari yang julung-julung kali diadakan itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijangka tiba petang esok akan menyampaikan ucap tama pada hari kedua forum itu.

Idea untuk mengadakan forum Asia ini dicetuskan pada September 1998 bagi menyediakan pentas untuk mengemukakan suara Asia serta membincangkan cara untuk menangani isu yang dihadapi rantau ini, mirip Forum Ekonomi Dunia (WEF) yang diadakan di Davos, Switzerland.

Walaupun negara Asia terbabit dalam WEF, namun ia masih tidak memberi ruang untuk benua ini menyatakan pandangan mereka berikutan ketiadaan suara yang bersatu daripada mereka.

Berbeza dengan rakan mereka di Eropah dan Amerika, negara Asia tidak mempunyai satu kumpulan yang disegani untuk melahirkan pandangan mereka ke atas isu-isu tertentu khususnya yang membabitkan rantau ini.

Tidak hairanlah jika misi BFA, adalah untuk menjadikan ia forum utama dalam menzahirkan pandangan Asia yang bersatu serta mempromosikan sosio ekonomi rantau ini menerusi intergrasi yang padat.

Misi lain adalah memastikan keuntungan bersama menerusi hubungan peringkat tertinggi dengan kerajaan dan pemimpin komersial dan mewujudkan suasana harmoni yang menguntungkan ekonomi Asia.

Namun berbeza dengan pertubuhan lain di Asia yang kebanyakannya membabitkan kerajaan, BFA terbuka untuk syarikat gergasi tanpa pembabitan politik.

Setiausaha Agung Jawatankuasa Sementara BFA, Tan Sri Ajit Singh percaya dengan pertubuhan yang terdiri daripada sektor swasta, ia mampu mencapai kejayaan lebih besar dalam mengadakan hubungan akrab dengan kerajaan.

BFA sendiri akan didaftarkan sebagai sebuah syarikat di China dan akan memiliki Lembaga Pengarah sendiri yang bertanggungjawab membuat sebarang keputusan.

Lebih menarik, BFA akan mewujudkan institut kajian mereka sendiri yang bakal menjadi pusat kajian dan latihan kepada graduan untuk melengkapkan golongan usahawan Asia dengan pengetahuan lebih baik dalam bidang pengurusan dan keupayaan teknologi.

BFA juga dijangka membuat deklarasi di akhir forum itu.

Seperti yang dikatakan Ajit, Jawatankuasa Persediaan Mesyuarat akan

menyambut `kelahiran bayi baru' apabila mengesahkan deklarasi BFA serta
melantik setiausaha agungnya esok.
(END)